



Rujukan : UKM HTM.3/303/2

Tarikh : 22 Disember 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENANGGUNGAN KOS KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN BAGI PEGAWAI, PESARA DAN TANGGUNGAN YANG BERKHIDMAT DI BAWAH PERKHIDMATAN AWAM NEGERI (PAN), PIHAK BERKUASA BERKANUN PERSEKUTUAN/NEGERI (PBB) DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) YANG MENDAPATKAN RAWATAN DI HOSPITAL PENGAJAR UKM

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia Bil. 5/2023 bertarikh 1 November 2023 telah bersetuju melaksanakan pengenaan caj rawatan ke atas Pegawai, Pesara dan Tanggungan yang berkhidmat di bawah Perkhidmatan Awam Negeri (PAN), Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan/Negeri (PBB) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mendapatkan rawatan di Hospital Pengajar UKM iaitu di Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM (HCTM) dan Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-kanak UKM (HPKK).
3. Sebagaimana dimaklumi oleh YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Keputusan ini adalah bersesuaian dengan Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 (PP21/2009) yang telah menetapkan Pegawai dan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan serta tanggungan yang berkeelayakan adalah layak diberi perkhidmatan perubatan secara percuma di Hospital/Klinik Kerajaan. PP 21/2009 ini juga turut dipanjangkan dan diterimapakai oleh semua Perkhidmatan Awam Negeri (PAN), Pihak Berkuasa Berkanun (PBB) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selaras dengan penerimaan pakai oleh pihak berkuasa tersebut, maka kos kemudahan rawatan yang terlibat perlu ditanggung sendiri oleh agensi terlibat.
4. Selaras dengan itu, semua kos kemudahan rawatan Pegawai, Pesara serta tanggungan yang berkeelayakan di bawah PAN, PBB dan PBT yang mendapatkan rawatan di HCTM atau HPKK UKM, akan dibuat tuntutan bayaran kepada agensi masing-masing.

PEJABAT PRO NAIB CANSOLOR (KAMPUS KUALA LUMPUR)

Aras 3, Blok Tambahan, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar,
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel : +603-9145 9361 / 9362 Emel : pronckl@ppukm.ukm.edu.my Laman Web: www.ukm.my/provckl

5. Berikut adalah beberapa perkara untuk makluman pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

- a) Surat jaminan (GL) / Kad Pesara yang dikemukakan oleh pegawai, Pesara serta tanggungan yang berkecualan di bawah PAN, PBB dan PBT akan digunakan untuk tujuan tuntutan kepada pihak Agensi.
- b) Pegawai, Pesara atau tanggungan yang tidak membawa Surat jaminan GL/Kad pesara akan dikenakan bayaran atau deposit sebagaimana orang awam biasa; Sekiranya, dokumen GL/ Kad pesara dapat dikemukakan dalam tempoh perawatan dan telah membuat bayaran, maka kutipan bayaran tersebut akan dikembalikan kepada kakitangan/ pesara berkenaan dan bil rawatan akan dituntut kepada agensi;
- c) Semua kos tuntutan rawatan akan dibilkan kepada agensi PAN, PBB dan PBT yang berkaitan berkuatkuasa mulai **1 Januari 2024**;
- d) Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan caj dan bil, boleh menghubungi pegawai berikut:

BIL	NAMA	ALAMAT EMAL	TELEFON
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)			
1.	Encik Norli @ Ahmad Jusoh	ahmadj@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 5228
2.	Cik Norhaslina Mokhtar	haslin@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 5234
3.	Puan Shahmunira Md Yassin	munira@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 5233
Hospital Pakar Kanak-kanak UKM (HPKK)			
1.	Encik Sazali Ibrahim	sazalib@ppukm.ukm.edu.my	03-9191 1070
2.	Puan Nur Amalina Halim	amalinahalim@ukm.edu.my	03-9191 2069
3.	Cik Nur Syahira Harun	syahira@ppukm.ukm.edu.my	03-9191 2072

Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, adalah dipohon untuk memaklumkan perkara ini kepada semua kakitangan di bawah seliaan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. DATO' DR. HANAFIAH BIN HARUNA RASHID

Pro Naib Canselor

Kampus Kuala Lumpur

PEJABAT PRO NAIB CANSOLOR (KAMPUS KUALA LUMPUR)

Aras 3, Blok Tambahan, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar,
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel : +603-9145 9361 / 9362 Emel : pronckl@ppukm.ukm.edu.my Laman Web: www.ukm.my/provckl

- s.k
- **YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj Toriman**
Naib Canselor UKM

 - **YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman Jarmin**
Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)

 - **YBhg. Prof. Datuk Dr. Ismail bin Sagap**
Pengarah, Hospital Tuanku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar
Kanak-kanak UKM (HPKK)

 - **YBhg. Dato' Dr. Azmi Baharudin**
Pengarah Perubatan, *UKM Specialist Centre (UKMSC)*

 - **Ketua-ketua Jabatan**
HCTM/HPKK

PEJABAT PRO NAIB CANSelor (KAMPUS KUALA LUMPUR)

Aras 3, Blok Tambahan, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar,
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel : +603-9145 9361 / 9362 Emel : pronckl@ppukm.ukm.edu.my Laman Web: www.ukm.my/provckl